

# Perabot bumiputera terokai tiga negara Teluk

Um 20/05/08 (11)

DUBAI 19 Mei - Menyedari potensi besar eksport perabot ke rantau Teluk, Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MITB) mengetuai delegasi lapan syarikat perabot bumiputera untuk meneroka peluang di Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar dan Bahrain.

Timbalan Ketua Pengarah MITB, Osman Kasim berkata, inisiatif itu akan membolehkan mereka bertemu secara terus dengan pelanggan yang lebih besar.

"Pasaran sedang berkembang di sini

dan atas alasan ini kami membawa bersama pengeluar perabot dengan sasaran meningkatkan jualan ke rantau ini," katanya mengenai misi perdagangan MITB baru-baru ini.

Syarikat-syarikat terbabit mengeluarkan perabot kayu dan aksesori serta perabot diukir, pejabat dan prasekolah.

Menurut Osman, kunjungan itu akan membolehkan syarikat-syarikat tersebut memahami dengan lebih baik keperluan pengimport perabot di rantau ini.

"Mereka dipilih berdasarkan kepada keupayaan mereka mengeluarkan produk berkualiti dan menampung permintaan besar bagi produk sedemikian," katanya.

Sesi pertemuan dengan pelanggan berpotensi dikelolakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Malaysia, kata Osman, berdepan persaingan sengit dari negara Asia seperti China, Vietnam dan Indonesia yang semuanya berhasrat meningkatkan eks-

port perabot mereka.

"Bagaimanapun eksport perabot kita meningkat meskipun pasaran global yang perlahan," katanya.

Eksport kayu dan produk kayu pada tahun 2007 berjumlah RM22.6 bilion, dengan RM7 bilion datang daripada eksport perabot.

Malaysia ketika ini merupakan pengeksport ke-10 terbesar dunia dengan lebih 160 destinasi eksport.